



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (137)

Tarikh : 23 Mei 2016

Siaran Media

MESYUARAT

JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JPPBT 2016) DI MIRI SARAWAK

23 Mei 2016

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) diadakan dari 22 hingga 24 Mei 2016 di Hotel Pullman Miri Waterfront, Sarawak. Mesyuarat ini dihadiri oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. JPPBT turut dihadiri wakil Kerajaan Negeri dan beberapa agensi pusat yang berkaitan.
2. Tujuan Mesyuarat JPPBT adalah seperti berikut:
 - (i) Membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan di PBT yang boleh memberi impak kepada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan Pusat berhubung dengan Kerajaan Tempatan;
 - (ii) Menyediakan peluang kepada PBT untuk berkongsi pengalaman dan pandangan serta mendapatkan maklum balas bagi memperbaiki kualiti penyampaian perkhidmatan di PBT; dan
 - (iii) Sebagai forum untuk meningkatkan pemahaman Kerajaan Negeri dan PBT terhadap dasar-dasar serta program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat bagi membolehkan PBT memberi perkhidmatan yang lebih efektif kepada penduduk setempat.
3. Sebanyak 7 Kertas Kerja dibentangkan dalam mesyuarat JPPBT 2016 seperti berikut:

Kertas Kerja 1

Pelan Transformasi PBT – Peranan YDP dalam Pelaksanaan, Pemantauan dan Pengukuran Prestasi Program dibentang oleh Ketua Pengarah, Jabatan Kerajaan Tempatan

Kertas Kerja 2

Memfaatkan I-KPKT sebagai Pusat Kecemerlangan dibentang oleh Shukri Associate

Kertas Kerja 3

Peranan PBT dalam Arus Pembangunan Sosial Negara dibentang oleh Prof. Madya Dr. Ahmad Martadha bin Mohamed, UUM College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia

Kertas Kerja 4

Low Carbon Cities Framework and Assessment System dibentang oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)

Kertas Kerja 5

Garis Panduan Pengurusan Sisa Pepejal Pembinaan di Tapak Bina dan Garis Panduan Sistem Pengurusan Sisa Pepejal bagi Pembangunan Baru dibentang oleh YBrs. Tn. Hj. Ismail bin Mohamed, Pengarah Bahagian Binaan dan Perniagaan, SWCorp (Solid Waste and Public Cleansing Management Corporation)

Kertas Kerja 6

Cadangan Pelaksanaan Pembayaran Cukai Taksiran / Cukai Pintu, Sewaan dan Kompaun Menggunakan Kemudahan Saluran Pembayaran Alternatif dibentang oleh Encik Sazali bin Shahid, MobilityOne Sdn Bhd

Kertas Kerja 7

Program Menyelamatkan Nyawa, Bangunan, Peralatan dan Dokumen di Pihak Berkuasa Tempatan daripada Bencana Kebakaran melalui Pemasangan Produk Pencegahan Kebakaran Jenama Pascal dibentang oleh Encik Wan Ismail bin Wan Hamat, Syarikat Econmulia Sdn Bhd

4. Selain pembentangan kertas kerja, mesyuarat juga fokus kepada perbincangan kumpulan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut tiga zon. Perbincangan ini tertumpu kepada program-program memantapkan Panduan Pelaksanaan Program Transformasi PBT. Tiga kumpulan adalah seperti berikut:

PBT	Teras Pelan Transformasi
Kumpulan 1	Teras 2- Kecekapan Perkhidmatan
Kumpulan 2	Teras 3 – Pengukuhan Kewangan
Kumpulan 3	Teras 5 – Penglibatan Rakyat

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my